



KENYATAAN MEDIA BERSAMA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI & KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGESANAN KONTAK COVID-19 MENERUSI FUNGSI *MYSEJAHTERA TRACE* DI APLIKASI *MYSEJAHTERA*

PUTRAJAYA, 25 DISEMBER 2021 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa agensi kerajaan yang lain memperkenalkan fungsi **MySejahtera Trace (MySJ Trace)** di dalam aplikasi MySejahtera sedia ada.

MySJ Trace merupakan fungsi tambahan kepada aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pengesanan kontak rapat kepada kes positif jangkitan COVID-19 dengan menggunakan teknologi *bluetooth*.

Fungsi MySJ Trace dibangunkan bagi memenuhi keperluan program *Find, Trace, Test, Isolate and Support (FTTIS)*, iaitu satu daripada program pemantauan oleh KKM dalam aktiviti pencegahan dan mengawal penularan jangkitan COVID-19.

Bagi memastikan keberkesanan aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes positif jangkitan COVID-19, pengguna mestilah mengaktifkan *bluetooth* dalam peranti mudah alih masing-masing sepanjang masa. Apabila seorang individu itu disahkan positif COVID-19, notifikasi akan diperolehi menerusi aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan kebenaran untuk berkongsi maklumat kontak rapat yang dikesan.

Sekiranya individu tersebut memberikan kebenaran, MySejahtera akan memberikan akses kepada KKM untuk melakukan penilaian risiko ke atas data-data kontak rapat yang telah dikesan daripada penggunaan *bluetooth* sebelum menjalankan aktiviti pengesanan kontak rapat yang telah dikenal pasti.

Walau bagaimanapun, sekiranya individu yang didapati positif COVID-19 tidak memberikan kebenaran, MySejahtera tidak akan memberikan akses kepada KKM dan aktiviti pengesanan kontak rapat akan dilakukan secara manual iaitu menerusi

siasatan lanjut ke atas maklumat sejarah perjalanan kes dan juga sejarah pertemuannya dengan individu lain.

Aplikasi MySJ Trace menggunakan *anonymized Unique User ID* (UUID) dan tidak mengumpul maklumat pengguna serta geo-lokasi. Data tersebut hanya boleh diakses oleh KKM dan disimpan dalam peranti pengguna untuk tempoh 14 hari. Keseluruhan proses pengesanan kontak dan penyimpanan data juga adalah dijamin keselamatan dan kerahsiaannya oleh kerajaan.

Untuk makluman, dengan bermulanya fungsi MySJ Trace ini, modul daftar keluar atau *check-out* akan diberhentikan dan dikeluarkan daripada aplikasi MySejahtera. Orang awam adalah dinasihati untuk mengemaskini aplikasi MySejahtera bagi mengaktifkan fungsi MySJ Trace.

Bergantung kepada gedung aplikasi yang digunakan pada telefon anda, MySJ Trace boleh dimuat turun bermula hari ini. Kerajaan melalui MOSTI dan KKM akan meneruskan usaha membangunkan aplikasi dan teknologi tempatan bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat khususnya bagi mengekang penularan COVID-19.

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI &
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
25 DISEMBER 2021**